



PANDUAN PENERBITAN

SYARAHAN UMUM PROFESOR

PENERBIT UniMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
<https://penerbit.unimap.edu.my>

PANDUAN PENERBITAN SYARAHAN UMUM PROFESOR

PENGENALAN

Panduan Penerbitan Buku Syarahan Umum Profesor ini disediakan sebagai rujukan komprehensif bagi Profesor di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang ingin menerbitkan syarahan umum mereka dalam bentuk buku. Panduan penerbitan ini adalah inisiatif Penerbit UniMAP untuk mendokumentasikan kepakaran, wawasan, inspirasi dan pengalaman bagi memartabatkan sumbangan ilmiah Profesor di universiti. Penerbitan syarahan ini juga adalah sebahagian daripada perkongsian ilmu kepada ahli akademik muda, pelajar dan masyarakat umum.

OBJEKTIF

1. Menetapkan piawaian dan prosedur yang jelas untuk penerbitan buku syarahan umum Profesor.
2. Memastikan kualiti, konsistensi dan profesionalisme dalam setiap penerbitan.
3. Memudahkan proses penyediaan manuskrip oleh Profesor dan proses penerbitan oleh Penerbit UniMAP.
4. Mempromosikan hasil penyelidikan dan pemikiran Profesor UniMAP kepada khalayak yang lebih luas.

PENULISAN DAN PENYEDIAAN MANUSKIP

Manuskrip yang ditulis atau disediakan hendaklah berbentuk sebuah karya asli lengkap mengenai judul yang akan disampaikan dalam Syarahan Umum Profesor. Teks manuskrip yang disediakan seharusnya mempunyai sifat dan isi berikut:

1. Hendaklah sebuah karya asli Profesor yang belum pernah diterbitkan.
2. Mempunyai laras bahasa yang mudah untuk difahami oleh pelbagai pihak.
3. Menghuraikan perkembangan dan arah aliran kepakaran ilmu semasa dan hala tuju bidang yang diceburi.

4. Menyerlahkan pencapaian ilmu dan kepakaran, serta sumbangan dalam aspek penemuan, inovasi dan hasil kajian.
5. Menumpukan kepada penilaian terhadap teori atau gagasan yang sedang diterokai melalui penyelidikan semasa dengan memberi tumpuan kepada impaknya terhadap perkembangan bidang ilmu, serta potensi masa kini dan cabaran masa hadapan.
6. Membuat perbandingan dan pemantapan penyelidikan dengan mengupas teori atau model baharu yang dihasilkan melalui penyelidikan sendiri atau tokoh lain.
7. Meluaskan pandangan ilmu dengan membuat kupasan yang berkait dengan bidang kepakaran kepada kemajuan industri dan perkongsian ilmu kepada masyarakat umum.

BAHASA

Penerbit UniMAP menerima manuskrip buku syarahan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

JUDUL

Pembinaan judul buku Syarahan Umum Profesor perlu dibina secara jelas, fokus, padat dan menarik dengan panjang disarankan tidak melebihi 12-15 patah perkataan. Penulis/pengarang boleh menggunakan judul utama yang ringkas (5-8 patah perkataan), diikuti dengan penggunaan subjudul (jika perlu) untuk memperincikan konteks.

ELEMEN DAN STRUKTUR BUKU SYARAHAN UMUM PROFESOR

1. BAHAGIAN AWALAN /PRELIM (*FRONT MATTER*)

- a) **Halaman Judul** (*Title Page*) - Judul syarahan
- b) **Halaman Hak Cipta** - Disediakan oleh Penerbit UniMAP
- c) **Kandungan (jika ada)**
- d) **Gambar Penulis** - Memakai Jubah
- e) **Biodata Penulis**- Ringkasan profil akademik, bidang kepakaran, pengalaman penyelidikan dan sumbangan Profesor (1000-2000 patah perkataan).

f) Abstrak/Sinopsis/Blurb

Setiap manuskrip buku syaranan umum perlu disediakan abstrak atau sinopsis syaranan dalam lingkungan 250 patah perkataan ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Abstrak mestilah merangkumi subjek atau topik yang dibahaskan dan dikupas, mengandungi elemen objektif kajian, skop dan kaedah penyelesaian, serta hasil dapatan kajian atau topik yang dibicarakan.

- g) Penghargaan (jika ada)**
- h) Pengenalan/Pendahuluan**

2. BAHAGIAN TEKS (*TEXT*)

- a) Tajuk/Bab Satu**
- b) Tajuk/Bab Dua**
- c) Tajuk/Bab Tiga**
- d) Tajuk/Bab Empat**
- e) Penutup/Kesimpulan/Tajuk/Bab Lima**

3. BAHAGIAN AKHIRAN (*BACK MATTER*)

- a) Rujukan**
- b) Lampiran (*Appendix*)**

ILUSTRASI (KULIT DEPAN)

Reka bentuk ilustrasi pada kulit depan buku Syaranan Umum Profesor hanya akan menggunakan satu standard ilustrasi yang ditetapkan bagi mewujudkan keseragaman dan kesepadan identiti siri buku yang diterbitkan. Penulis/pemohon boleh mencadangkan reka bentuk grafik yang sesuai pada buku masing-masing dengan menyediakan satu atau dua imej/gambar untuk dijadikan sebagai elemen kulit depan. Reka bentuk kulit depan buku akan disediakan oleh Penerbit UniMAP.

PERMOHONAN ISBN/e-ISBN

Permohonan akan dibuat oleh Penerbit UniMAP.

SPESIFIKASI DAN FORMAT PENERBITAN

Penerbitan Syarahan Umum Profesor ini akan diterbitkan dalam bentuk bercetak dan digital.

Format Cetak

1. Saiz Buku: 6 inci x 9 inci
2. Jenis Kertas Kulit Buku: Art Card 300gsm (*Matt Lamination*)
3. Jenis Kertas Isi/Teks: Art Paper 101gsm/128gsm/*Simile* 80gsm
4. Cetakan Kulit Buku: Warna
5. Cetakan Teks: Warna/Hitam Putih
6. Kekemasan: *Perfect Binding/Staple*
7. Jumlah Cetakan: 50 naskhah (*termasuk lima [7] naskhah Serahan Bahan Terbitan (Perpustakaan Negara Malaysia), Penerbit UniMAP & PTSFP*)

Format Digital

Semua judul yang diterbitkan akan ditukar format kepada bentuk digital, iaitu dalam format PDF.

KOS PENERBITAN

Kos penerbitan dan percetakan buku Syarahan Umum Profesor ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Penulis/Fakulti yang menganjurkan syarahan berkenaan. Antara pecahan kos penerbitan dan percetakan yang perlu ditanggung ialah kos penyuntingan, pembacaan pruf dan percetakan.

TEMPOH MASA PENERBITAN

Tempoh masa penerbitan akan mengambil masa selama Dua [2] bulan daripada tarikh penerimaan manuskrip.

PROSES PENERBITAN



Carta Alir Proses Penerbitan Buku Syarahan Umum Profesor.

PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN MANUSKRIPT SYARAHAN UMUM PROFESOR

1. Penulis dikehendaki menyerahkan salinan manuskrip akhir dalam bentuk digital atau *softcopy*.
2. Manuskrip hendaklah ditaip dengan kemas, bersih dan selaras dengan menggunakan *template* yang disediakan.
3. Sesebuah manuskrip ditakrifkan sebagai lengkap apabila ia memenuhi syarat untuk diterbitkan sebagai sebuah buku Syarahan Umum Profesor. Pada umumnya, sesebuah Syarahan Umum Profesor mengandungi tiga bahagian utama yang terdiri daripada Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Oleh itu, penulis hendaklah memastikan manuskrip yang disediakan mengandungi ketiga-tiga bahagian berkenaan.

4. Gaya rujukan hendaklah menggunakan gaya rujukan yang lengkap dan selaras. Pengarang/Penulis juga digalakkan mengikut dan menerima pakai Gaya Dewan, *American Psychological Association* (APA) dan *Chicago Manual of Style* dalam penyediaan manuskrip seperti penggunaan huruf besar, huruf condong, tanda bacaan, sistem penomboran akronim, ejaan dan tatabahasa.
5. Penulis manuskrip sains dan kejuruteraan perlu memberi perhatian yang mendalam kepada aspek keseragaman dalam penggunaan istilah, unit ukuran, dimensi, simbol, rumus matematik, tanda-tanda teknikal dan lain-lain. Penggunaan aspek di atas hendaklah mengikut piawai Gaya Dewan.
6. Reka letak teks sebaik-baiknya hendaklah diberikan perhatian di peringkat mula penyediaan manuskrip menurut peringkat-peringkat di bawah:

TAJUK BAB - boleh dibuat dalam huruf besar atau huruf besar dan huruf kecil, dan diletakkan sama ada di tengah-tengah, santak ke kiri atau ke kanan menggunakan saiz taip yang sesuai. Pecahan tajuk kepada subtajuk boleh dibuat, tetapi pecahan lebih daripada (5) subtajuk tidak digalakkan. Pecahan subtajuk boleh dibuat dengan menggunakan panduan status pecahan seperti berikut:

a) **Subtajuk Pertama**

TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN BOLD;

b) **Subtajuk Kedua**

Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil dan Bold;

c) **Subtajuk Ketiga**

Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, Bold dan Italik;

d) **Subtajuk Keempat**

TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN MEDIUM;

e) **Subtajuk Kelima**

Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil dan Italik;

PERMOHONAN PENERBITAN

Bagi memastikan proses penerbitan dapat ditangani secara lancar, penulis atau bakal penulis dinasihatkan supaya menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan sepanjang menguruskan kerja-kerja penulisan atau penyediaan manuskrip (disebut juga taip skrip).

Setiap permohonan menerbitkan buku Syaran Umum Profesor boleh dibuat dengan menghantar manuskrip yang telah disiapkan. Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan karya disarankan supaya menghantar permohonan kepada Penerbit UniMAP dengan mengemukakan permohonan dengan mengisi **Borang Permohonan Penerbitan Buku**.

PENYERAHAN MANUSKRIPT

1. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UniMAP hendaklah merupakan cetusan idea terakhir penulis dan **BUKANNYA** suatu draf yang akan diubah kemudiannya.
2. Semua ilustrasi seperti fotografi, gambar rajah, carta, graf, peta dan sebagainya hendaklah diserahkan dalam bentuk yang berkualiti. Mana-mana ilustrasi, fotografi, gambar rajah, carta dan sebagainya yang mempunyai dan dilindungi hak cipta, penulis atau pengarang perlu mendapatkan keizinan daripada pemilik asal. Penerbit UniMAP dan Universiti tidak bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran atau tuntutan berkaitan hak cipta.
3. Sebarang pertanyaan dan kemosykilan boleh diajukan terus kepada:

**BAHAGIAN EDITORIAL
PENERBIT UniMAP,
Universiti Malaysia Perlis,
No 11 & 13 Jalan Tiga
Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya
01000 Kangar, Perlis.
Tel:04:976 4434**

E-mel: zamimi@unimap.edu.my
fatinnadia@unimap.edu.my